



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 MEI 2023 (ISNIN)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**22 MEI 2023 (ISNIN)**

KPDN beri masa setahun kepada peniaga untuk guna sistem timbang digital ganti timbang neraca

*Nasional* 14



# Penggunaan penimbang digital secara berperingkat

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan penggunaan alat timbang elektronik atau digital sepenuhnya bagi menggantikan alat timbang neraca di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata alat timbang digital akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan memberi masa satu tahun kepada pihak berwajib untuk mengadakan beberapa siri perbincangan.

"Pendekatan 'soft landing' turut akan diadakan supaya tempoh satu tahun itu kita dapat laksanakan sepenuhnya sistem digital berkenaan.

"Sesi libat urus perlu diadakan bagi melihat daripada segi bekalan sama ada cukup ataupun tidak dan harganya supaya perniaga dan pengguna ada masa yang sesuai untuk beralih ke-

pada sistem digital berkenaan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Metrologi 2023 di IOI Mall Putrajaya di sini, semalam.

Salahuddin berkata, beliau berharap pasukan penguatkuasaan KPDN juga dapat melakukan sesi libat urus dengan pihak syarikat De Metrology Sdn Bhd bagi pelaksanaan sistem sukanan baru berkenaan.

"Jika tempoh masa setahun berkenaan tidak mencukupi untuk beralih ke sistem baharu itu, kita akan lakukan kajian lebih mendalam dan akan dibincangkan secara tuntas bagi memastikan keperluan asas mesin itu dapat disediakan.

"Mengikut laporan Metrology di peringkat antarabangsa memang kita kena akui bahawa mesin elektronik berkenaan dan ketepatannya tidak boleh diperti-

kaikan dibandingkan dengan mesin alat timbang neraca," katanya.

Jelas beliau, Malaysia tidak boleh ketinggalan dan akan pastikan hak pengguna terus dapat dipertahankan secara bertahap dan satu hari nanti Malaysia akan menggunakan alat timbang elektrik sepenuhnya.

"Bagi penyediaan alat timbang elektronik atau digital berkenaan akan dibekalkan oleh beberapa syarikat yang telah didafarkan oleh KPDN.

"Kapasiti bagi alat timbang neraca adalah pelbagai dan antaranya ialah kapasiti 10 Kilogram (kg), 20kg, 30kg dan 50kg," katanya.

Katanya, data alat timbang neraca yang ditentusahkan setahun di Malaysia sehingga 31 Disember 2022 ialah sebanyak 99,744 unit manakala jumlah alat timbang neraca yang diluluskan ialah 99,729 unit.

## Penggunaan alat timbang neraca dimansuh dalam tempoh setahun

PUTRAJAYA - Kerajaan akan memansuhkan penggunaan alat timbang neraca sepenuhnya dalam tempoh setahun dari sekarang dan akan digantikan dengan alat penimbang elektronik, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri daripada pihak penguat kuasa, berhubung keputusan kerajaan berkeraaan.

"Pada masa ini, hanya 25 peratus alat timbang elektronik digunakan di seluruh negara dan KPDN turut merancang untuk mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pelbagai pihak bagi mengatasi isu berkaitan timbang dan sukat ini," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Metrologi Sedunia di sebuah pusat beli-belah di sini pada Ahad.

Salahuddin berkata, dalam proses melaksanakan penggunaan penimbang baharu itu, kerajaan akan turut memberi perhatian terhadap isu berkaitan kecukupan bekalan dan harga alat tersebut bagi memberi masa kepada peniaga mendapatkan alat timbang itu.

Beliau berkata, KPDN telah meneliti dan melantik beberapa syarikat untuk membekalkan alat penimbang elektronik berkeraaan.

Sempena Hari Metrologi itu, pengajur sambutan tersebut De Metrology Sdn Bhd menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai *Most Measuring Instruments* kerana mencatat 3,197 jumlah verifikasi alat timbang dan sukat iaitu paling banyak dalam tempoh sehari pada 16 Mei lalu. - Bernama



SALAHUDDIN



## Menu Rahmah tidak 'dingin'

**Johor Bahru:** Inisiatif Menu Rahmah yang diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) masih mendapat sambutan yang menggalakkan dan tidak 'dingin' seperti yang didakwa oleh sebahagian pihak.

Menurutnya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, hal ini kerana semenjak ia dilancarkan pada 27 Jan lalu, pelbagai pihak industri seperti pengusaha kedai makanan dan pasar raya masih meneruskan inisiatif itu sehingga kini.

"Pihak industri seperti pengusaha kedai makanan dan pasar raya dan sebagainya kita lihat apabila sudah masuk (sertai) inisiatif Menu Rahmah, mereka tidak keluar setakat ini.

Saya juga turun padang dan dapati inisiatif ini masih ditunjonggi oleh pemain industri dan malah bertambah lagi," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah Bersama MOG Eyewear di pusat beli belah Johor Bahru City Square di sini, kelmarin. Turut hadir Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo.

Salahuddin berkata, demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan sesetengah pihak insisiatif Menu Rahmah semakin dingin, kurang mendapat sambutan.

Beliau berkata, sambutan inisiatif Menu Rahmah dapat dilihat menerusi beberapa penyertaan baharu seperti Foodpanda Malaysia yang meluaskan capaian Menu Rahmah kepada rakyat negara ini.

Secara keseluruhannya, beliau berkata, kepelbagaian inisiatif Rahmah juga semakin meluas, antaranya tawaran Menu Rahmah pelajar institusi pengajian tinggi dan terbaru kerjasama dengan syarikat menjual cermin mata MOG Eyewear.

Terdahulu, Salahuddin berkata MOG Eyewear dibawah pengurusan Metro Optical Group itu, antaranya menawarkan paket Rahmah bagi pembelian cermin mata pada harga RM50 dan RM100.

Selain itu katanya, MOG Eyewear mempunyai 96 kedai seluruh negara, menawarkan paket naik taraf kanta kepada *blue cut lens* dengan pelindungan sinaran ultraungu pada harga RM100, dengan pembelian satu daripada paket pembelian cermin mata.

**Pihak industri kita lihat sudah sertai inisiatif Menu Rahmah**  
Salahuddin Ayub

## Usah panik, bekalan gula masih cukup di Perlis

**ARAU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis mengakui wujud pembelian panik dalam kalangan pengguna di sekitar negeri ini sejak kelmarin bagi mendapatkan bekalan gula.

Situasi itu berlaku disebabkan penularan khabar angin menerusi media sosial yang mendakwa bekalan gula sedia ada akan dihentikan berikutan terdapat pengeluaran gula putih premium baharu yang mana harganya lebih tinggi sehingga mencetuskan salah faham dalam kalangan pengguna.

Pengarah KPDN negeri, Norazah Jaapar berkata, walaupun permintaan yang diterima agak tinggi susulan penularan khabar angin itu, bekalan gula masih mencukupi bagi menampung keperluan penduduk di negeri ini tanpa sebarang kenaikan harga.

"Penularan khabar angin itu



**PEKERJA** sebuah pasar raya di Arau, Perlis menyusun bekalan gula yang diterima daripada pengeluar bagi menampung keperluan penduduk. - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD**

menyebabkan timbul salah faham dalam kalangan pengguna sehingga menyebabkan mereka melakukan pembelian panik

dan mendorong kepada gangguan bekalan di negeri ini.

"Seperti diumumkan Menteri, Datuk Seri Salahuddin Ayub sebelum ini, jenis gula super atau gula putih premium belum berada di pasaran dan sebarang pengenalan gula baharu perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu," katanya selepas mengadakan tinjauan di Pasar Raya NFS AMG Trading, di sini, semalam.

Norazah berkata, isu bekalan tidak menjadi masalah berikutan empat pemborong sedia ada di negeri ini menerima gula daripada dua syarikat pengeluar utama iaitu MSM Malaysia Holding Bhd (MSM) dan Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR).

Katanya, sehingga semalam, pemborong gula di negeri ini menerima bekalan daripada dua syarikat pengeluar berkenaan dengan jumlah sebanyak 383,680 kilogram.

# Berita palsu harga gula naik cetus belian panik

Peniaga hadkan pembelian tiga kilogram sejak seminggu lalu

Oleh Aizat Sharif  
bhnews@bh.com.my

**Arau:** Maklumat palsu kononnya harga gula pasir akan naik sehingga RM4.60 sekilogram bermula 1 Jun depan menyebabkan berlaku pembelian panik gula di negeri ini sejak seminggu lalu.

Malah, penyebaran berita palsu di media sosial itu menyebabkan pengguna dan peniaga dikatakan membuat pembelian panik sehingga banyak kedai runcit terputus bekalan gula pasir.

Tinjauan di kedai runcit di sekitar Pasar Borong Sena, Kangar, mendapati bekalan gula pasir habis kerana kegagalan pembekal menghantar bekalan komoditi itu sejak beberapa hari lalu.

Peniaga, Muhammad Amir Irfan Junaidi, 26, berkata bekalan gula pasir berkurangan selepas sambutan Aidilfitri bulan lalu.

"Sebelum Aidilfitri, tiada masalah dengan bekalan gula pasir, namun beberapa hari selepas Aidilfitri, mula timbul masalah bekalan semakin susut apabila pembekal tidak dapat menghantar bekalan.

"Oleh itu kami mengehadkan pembelian tiga kilogram gula sahaja bagi seorang pelanggan sehingga stok gula habis.



Norazah menunjukkan bekalan gula pasir yang masih banyak di sebuah premis di Arau.

(Foto Aizat Sharif/BH)

"Disebabkan tidak menerima bekalan, saya terpaksa cari daripada pembekal gula lain, namun sehingga hari ini belum mendapat bekalan," katanya.

Tinjauan di sebuah pasar raya di sini semalam pula mendapati, ada peniaga dari Kubang Pasu, Kedah sanggup datang ke sini untuk mendapatkan bekalan gula, rata-ratanya juga percaya akan berlaku kenaikan harga gula pasir tidak lama lagi.

**Turun padang buat tinjauan**  
Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis, Norazah Jaapar, mengakui memang ada pembelian panik dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Katanya, pihaknya juga turun padang membuat tinjauan selepas tular kononnya gula super atau gula putih premium lebih banyak di pasaran.

"Gula super atau gula putih premium belum ada di pasaran dan pengenalan gula baharu di pasaran perlu mendapat kelulusan KPDN terlebih dahulu.

"Malah, jaminan juga diberi bahawa harga gula putih bertapis tidak dinaikkan kerana ia adalah barang kawalan berjadual yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961," katanya.

Beliau berkata, harga kawalan runcit semasa bagi gula putih bertapis pek satu kilogram adalah RM2.85 bagi gula kasar dan RM2.95 bagi gula halus.

Sepanjang bulan ini sehingga 20 Mei, katanya, pemborong di negeri ini menerima bekalan dari MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) sebanyak 280,000 kilogram (kg).

Bekalan gula diterima oleh pemborong dari Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR) pula 103,680kg, menjadikan jumlah gula putih bertapis diterima Perlis setakat 20 Mei lalu adalah sebanyak 383,680kg.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memberi jaminan harga gula pasir tidak akan dinaikkan dan bekalannya akan kekal cukup di pasaran di sebalik kenaikan harga gula dunia dan gas asli.



NORAZAH (kiri) dan Pengurus Adam AMG Trading, Shahrudi Abidin menunjukkan bekalan gula pasir yang masih banyak di premis NFS AMG Trading di Arau. -Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

## Khabar angin kenaikan harga gula punca pembelian panik

**Arau:** Maklumat palsu kononnya harga gula pasir naik sehingga RM4.60 se-kilogram bermula 1 Jun depan menyebabkan berlaku pembelian panik gula di negeri ini sejak seminggu lalu.

Malah, penyebaran berita palsu di media sosial itu menyebabkan pengguna dan peniaga dikatakan membuat pembelian panik sehingga banyak kedai runcit terputus bekalan gula pasir.

Tinjauan di kedai runcit di sekitar Pasar Borong Sena, Kangar mendapati bekalan gula pasir habis kerana kegagalan pembekal menghantar bekalan komoditi itu sejak beberapa hari lalu.

Peniaga, Muhammad Amir Irfan Junaidi, 26, berkata, bekalan gula pasir mula berkurangan selepas sambutan Aidilfitri bulan lalu.

“Sebelum Aidilfitri, tiada masalah dengan bekalan gula pasir namun beberapa hari selepas Aidilfitri mula timbul bekalan semakin susut apabila pembekal tidak dapat menghantar bekalan.

“Oleh itu, kami menghadkan pembelian tiga kilogram gula sahaja bagi seorang pelanggan hingga stok gula di kedai ini habis.

“Disebabkan tidak menerima bekalan, saya terpaksa mencarinya daripada pembekal gula lain namun sehingga hari ini saya belum mendapat bekalan,” katanya.

Tinjauan di sebuah pasar raya di sini pula menda-

pati, ada peniaga dari Kubang Pasu, Kedah sanggup datang ke sini untuk mendapatkan bekalan gula dan rata-ratanya juga mempercayai bahawa akan berlaku kenaikan harga gula pasir tidak lama lagi.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Negeri Perlis, Norazah Jaapar berkata, berhubung pengenalan dan penjualan gula super atau gula putih premium di pasaran seperti yang tular di media sosial baru-baru ini, pihaknya turun padang membuat tinjauan.

“Memang ada berlaku pembelian panik dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

“Seperti dimaklumkan

Menteri KPDN, Datuk Seri Salabuddin Ayub sebelum ini, gula super atau gula putih premium belum ada di pasaran dan sebarang pengenalan gula baharu di pasaran perlu mendapat kelulusan daripada KPDN terlebih dahulu.

“Malah, jaminan juga diberi harga gula putih bertapis tidak dinaikkan kerana ia adalah barang kawalan berjadual yang diperuntukkan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961,” katanya.

Beliau berkata, harga kawalan runcit semasa bagi gula putih bertapis pek satu kilogram adalah RM2.85 bagi gula kasar dan RM2.95 bagi gula halus.

“Sepanjang bulan ini sehingga 20 Mei, pemborong di negeri ini menerima bekalan dari MSM sebanyak 280,000 kilogram (kg),” katanya.

“  
Jaminan juga  
diberi harga gula  
putih bertapis tidak  
dinaikkan kerana ia  
adalah barang  
kawalan berjadual  
Norazah Jaapar

## Kawal penggunaan gula walaupun harga kekal

**ISU** harga gula yang dibangkitkan baru-baru ini agak membimbangkan rakyat khasnya golongan B40 dan peniaga makanan serta minuman apabila timbul ura-ura kerajaan akan menaikkan harga pemanis itu.

Setakat ini, sepeket gula yang dijual di pasaran adalah RM2.85. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menafikan khaber angin akan menaikkan harga bahan mentah itu sehingga RM4.60 sekilogram.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, selain mengekalkan harga gula di pasaran, kerajaan juga memastikan bekalananya sentiasa mencukupi.

Bagaimanapun, tidak dinafikan wujud desakan daripada pengilang dan pengeluar gula untuk menaikkan kadar harga berikutan kos pengeluaran yang mereka hadapi tidak seimbang dengan pulangan hasil.

Kerajaan pula dilaporkan membuat penegasan terhadap dua pengeluar gula utama iaitu Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR) dan MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) agar tidak menaikkan harga bahan mentah tersebut.

Menurut Salahuddin, pihaknya berharap kerasahan rakyat mengenai isu bekalan dan harga gula malah menerusi perbincangan bersama pegawai tertinggi KPDN dan dua pengilang gula terbesar negara, turut menjamin bekalan gula negara cukup.

Bagaimanapun, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Tan Sri Shahrir Samad menyarankan kerajaan menghentikan pemberian subsidi pukal untuk gula pasir serta menambah subsidi petrol.

Katanya, Malaysia bukan pengeluar gula mentah, selain harga yang dijual rendah menyebabkan bahan asas itu diseludup ke luar negara.

Untuk rekod, harga runcit gula pasir di Malaysia paling rendah iaitu RM2.85 sekilogram berbanding negara ASEAN lain iaitu Vietnam (RM6.20), Filipina (RM8.53), Kemboja (RM5.37), Myanmar (RM6.41), Indonesia (RM4.30), Singapura (RM6.32), Laos (RM4.13), Brunei (RM6.32) dan Thailand (RM3.20).

Bagaimanapun harus dingat, pengambilan gula secara berlebihan dan berterusan sememangnya tidak baik untuk kesihatan, malah dibuktikan pada tahun 2015, apabila Malaysia menjadi antara negara di dunia menggunakan pemanis paling banyak.

Keadaan itu menyumbang kepada trend peningkatan pesakit kencing manis di negara ini.

Tahukah anda, sejak 2019, Malaysia berada di tangga teratas dalam kalangan negara ASEAN yang mempunyai paling ramai penghidap diabetes.

Jadi, berpada-padalah mengambil gula dalam makanan dan minuman anda!

Subsidi lewat, mansuh kawalan harga dorong kenaikan 30 peratus

# Ayam boleh cecah RM26 seekor

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Harga ayam dijangka naik 30 peratus atau RM26 seekor pada Julai ini dipengaruhi kelewatan pembayaran subsidi kepada penternak.

Kenaikan juga didakwa bersangkutan keputusan kerajaan untuk mengapungkan harga bahan mentah tersebut pada Julai.

Sumber industri yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, berdasarkan libat urus dengan penternak ayam bersepudur, penternak kontrak serta pemborong, masing-masing resah kerana ketidaaan subsidi akan memaksa setiap sub-rangkaian industri ayam untuk menaikkan harga kerana tidak mampu menanggung kos operasi.

Kata sumber, semua penternak sedang ‘sakit’ kerana kerajaan mengenakan kawalan harga tetapi tiada langkah inter-

vensi bagi membantu industri mendepani cabaran kenaikan harga dedak, anak ayam serta kos operasi termasuk kadar elektrik dan upah buruh yang tinggi.

Justeru katanya, apabila sistem kawalan harga dimansuhkan pada hujung Jun, kenaikan harga ayam akan berlaku secara mendadak sekitar 30 peratus iaitu mencecah RM26 seekor di pasaran.

“Yang saya paling takut, kerajaan umumkan harga ayam akan diapungkan selepas 30 Jun, sudah keluar kenyataan. Itulah keputusan Kabinet, keputusan Majlis Tindakan Saifa Hidup Negara (NACCOL) semua sekali.

“Tapi subsidi tak bagi. Jadi macam mana penternak mahu rancang pengeluaran maksimum. Sekarang ini bekalan masih tak cukup. Jadi apabila harga ayam diapungkan selepas Julai, maka secara automatik harga akan mencanak naik, tengoklah nanti,” kata sumber di

sini, semalam.

Pada 21 Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga ayam dan telur dijangka dia-pungkan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.

Mengulas perkara itu, sumber industri berkata, apabila harga ayam dia-pungkan, pengeluaran yang masih tersekut akibat ketiadaan subsidi akan memaksa pasaran berebut-rebut mendapatkan bekalan ayam.

Sedangkan, katanya penge-luaran semasa sangat terhad apabila kebanyakannya integrator serta penternak cuma mampu mengeluaran 40 peratus ayam masing-masing berbanding pengeluaran yang optimum.

“Kerugian (kepada penternak) disebabkan kawalan harga memang nyata. Saya libat urus

dengan ahli industri, ada yang berkata mereka cuma mampu memasukkan 80,000 ekor anak ayam day old chick (DOC) berbanding sebelum ini.

“Sebelum ini, ladang broiler berkapasiti sederhana mampu mengeluarkan 200,000 DOC satu musim pusingan, tapi sekarang susut 60 peratus kepada 80,000 ekor DOC saja. Harga DOC pula masih mahal, sekarang ini seekor di antara RM3.20 sehingga RM3.40,” katanya.

Dalam pada itu, sumber mendesak kerajaan berlaku jujur dan menjelaskan kepada pemain industri ayam, apakah sebenarnya masalah dalam penyaluran subsidi.

Kata sumber, pihaknya difahamkan bagi tahun ini kerajaan sebenarnya sudah memperuntukkan subsidi berjumlah RM1.2 bilion kepada sektor ayam dan telur, namun belum dinikmati pengusaha ayam.



---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**22 MEI 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-May	Alat timbang digital sepenuhnya dalam tempoh setahun	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104163/alat-timbang-digital-sepenuhnya-dalam-tempoh-setahun">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104163/alat-timbang-digital-sepenuhnya-dalam-tempoh-setahun</a>	BH
22-May	Penimbang neraca dimansuhkan tahun depan – Salahuddin	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2023/05/21/penimbang-neraca-dimansuhkan-tahun-depan-salahuddin/">https://malaysiaga-zette.com/2023/05/21/penimbang-neraca-dimansuhkan-tahun-depan-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
22-May	Pengguna tidak perlu panik, bekalan gula masih mencukupi di Perlis	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pengguna-tidak-perlu-panik-bekalan-gula-masih-mencukupi-di-perlis/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pengguna-tidak-perlu-panik-bekalan-gula-masih-mencukupi-di-perlis/</a>	UM
22-May	Use of mechanical spring scales to be abolished within a year	<a href="https://www.thesundaily.my/local/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-salahuddin-HA11002353">https://www.thesundaily.my/local/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-salahuddin-HA11002353</a>	THESUNDAILY
22-May	Mansuh alat timbang neraca dalam tempoh setahun - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-runcit-dan-pasar-raya-perlu-beralih-ke-alat-timbang-digital-dalam-tempoh-setahun-salahuddin-420487%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-runcit-dan-pasar-raya-perlu-beralih-ke-alat-timbang-digital-dalam-tempoh-setahun-salahuddin-420487%3famp=1</a>	ASTROAWANI
22-May	Mansuh alat timbang neraca dalam tempoh setahun - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/969318/mansuh-alat-timbang-neraca-dalam-tempoh-setahun-salahuddin">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/969318/mansuh-alat-timbang-neraca-dalam-tempoh-setahun-salahuddin</a>	HM
22-May	KPDN akan laksana sistem timbang digital sepenuhnya seluruh negara	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-akan-laksana-sistem-timbang-digital-sepenuhnya-seluruh-negara/?utm_source=BUTV3&amp;utm_medium=terkini">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-akan-laksana-sistem-timbang-digital-sepenuhnya-seluruh-negara/?utm_source=BUTV3&amp;utm_medium=terkini</a>	BULETINTV3
22-May	Use of mechanical spring scales to be abolished within a year	<a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2190927">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2190927</a>	BERNAMA

22-May	Penggunaan alat timbang neraca dimansuh dalam tempoh setahun	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2190905">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2190905</a>	BERNAMA
22-May	Salahuddin: Use of mechanical spring scales to be abolished within a year	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/911766/salahuddin-use-mechanical-spring-scales-be-abolished-within-year">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/05/911766/salahuddin-use-mechanical-spring-scales-be-abolished-within-year</a>	NST
22-May	Use of mechanical spring scales to be abolished within a year, says Salahuddin	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/21/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/21/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-says-salahuddin</a>	THESTAR
22-May	Traders to stop using mechanical spring scales by next year, says Salahuddin	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/s/443788">https://www.themalaysianinsight.com/s/443788</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
22-May	Alat penimbang neraca dimansuh tahun depan - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259582">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259582</a>	SH
22-May	Use of mechanical spring scales to be abolished within a year, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/21/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-says-salahuddin/70304">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/21/use-of-mechanical-spring-scales-to-be-abolished-within-a-year-says-salahuddin/70304</a>	MALAYMAIL
22-May	Use of mechanical scales to be scrapped within a year: Salahuddin	<a href="https://www.thevibes.com/articles/business/93121/use-of-mechanical-scales-to-be-scrapped-within-a-year-salahuddin">https://www.thevibes.com/articles/business/93121/use-of-mechanical-scales-to-be-scrapped-within-a-year-salahuddin</a>	THEVIBES
22-May	Mechanical spring scales to be banned within a year	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/05/21/mechanical-spring-scales-to-be-banned-within-a-year/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/05/21/mechanical-spring-scales-to-be-banned-within-a-year/</a>	FMT
22-May	Alat penimbang elektronik diperluas dalam tempoh setahun	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/alat-penimbang-elektronik-diperluas-dalam-tempoh-setahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/alat-penimbang-elektronik-diperluas-dalam-tempoh-setahun/</a>	UM

22-May	Peniaga, pasar raya perlu tukar ke alat penimbang elektronik dalam tempoh setahun	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2023/05/21/peniaga-pasar-raya-perlu-tukar-ke-alat-penimbang-elektronik-dalam-tempoh-setahun">https://majoriti.com.my/berita/2023/05/21/peniaga-pasar-raya-perlu-tukar-ke-alat-penimbang-elektronik-dalam-tempoh-setahun</a>	MAJORITI
--------	---	---	----------